

MEMARTABATKAN *Bahasa Melayu* DAN AKTA DBP 1959

Perjuangan memartabatkan bahasa Melayu untuk benar-benar menjadi bahasa utama di negara ini telah berjaya dilakukan apabila bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan yang dimaktubkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.



Walaupun bagaimanapun, sejarah menunjukkan bahawa isu bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara sering kali dicabar khususnya dalam bidang pendidikan dan kegiatan perekonomian negara.

Kajian oleh Nora Azian dan Fadzilah Abd Rahman (2018) bertajuk “Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif” membuktikan bahawa tahap penguasaan yang lemah dalam bahasa Melayu menyebabkan penutur dalam kalangan murid bukan natif bahasa Melayu mengambil sikap meminggirkan penggunaan bahasa Melayu dalam amalan komunikasi seharian mereka. Satu lagi kajian yang menarik berkaitan dengan amalan penggunaan bahasa Melayu telah dihasilkan oleh Ang Lay

Hoon dan Che Radiah Mezah (2012) bertajuk “Masalah Penggunaan bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina di *Malaysia*”. Hasil kajian mereka membuktikan bahawa penggunaan bahasa Melayu dipengaruhi oleh tahap penguasaan seseorang individu terhadap bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, rakyat mula menanti usaha atau kecenderungan kerajaan dalam menangani isu penguatkuasaan bahasa Melayu di negara ini. Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan dua pendirian beliau berkaitan dengan isu bahasa Melayu, iaitu pertama, Perdana Menteri secara terbuka mengarahkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua acara rasmi pada peringkat antarabangsa yang melibatkan kerajaan Malaysia.



Pertemuan Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS di Rumah Putih, Amerika Syarikat.

Malah beliau sendiri telah melakukannya sebagai tanda memulakan usaha tersebut di beberapa acara rasmi di luar negara termasuklah dalam Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS di Rumah Putih Amerika Syarikat baru-baru ini.

Kedua, cadangan Perdana Menteri semasa Perhimpunan Agung UMNO supaya Parlimen melakukan pindaan terhadap Akta Dewan Bahasa Pustaka (DBP) 1959 agar DBP diberi kuasa yang lebih besar untuk melaksanakan penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Dua pendirian awal YAB Perdana Menteri dalam menyatakan sokongan kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu dilihat sebagai isyarat yang jelas daripada kerajaan untuk terus mengukuhkan lagi pelaksanaan bahasa Melayu di negara ini.

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, dalam kenyataan beliau menyambut baik cadangan pindaan Akta DBP dan telah menggariskan tiga cadangan pindaan akta ini. Pertama, membabitkan pemberian kuasa penguatkuasaan bahasa Melayu dalam sektor yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan terutamanya Perkara 152(6) yang memperuntukkan penggunaan bahasa tersebut dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kedua, menyambut baik cadangan pindaan akta ini untuk menyokong usaha DBP mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu pada peringkat antarabangsa berasaskan undang-undang. Ketiga, cadangan pindaan ini juga membolehkan DBP menubuhkan sebuah perbadanan agar fungsi perniagaan agensi itu dapat digerakkan dengan lebih berkesan, sekali gus menyumbang dalam aspek kewangan DBP bagi menjanakan pendapatan untuk

melaksanakan program perancangan bahasa, persuratan dan penerbitan.

Jelas bahawa cadangan terhadap pindaan Akta DBP ini akan mengukuhkan bahasa Melayu dan tidak lagi diseliputi dengan isu lama yang bersifat dasar dan statut semata-mata, tetapi apa-apa yang lebih penting adalah dari segi

penggunaan dan pembangunan bahasa Melayu dalam segala urusan masyarakat. Jika pindaan Akta DBP 1959 berjaya dilaksanakan, DBP akan mempunyai “taring” penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan amalan pelaksanaan dan penggunaan bahasa Melayu dalam segala urusan berkaitan dengan masyarakat. Sudah semestinya, badan berkuasa seperti DBP perlu diberi kuasa yang lebih tinggi untuk memastikan bahasa Melayu diamalkan sepenuhnya di negara ini.

Cadangan Perdana Menteri untuk meminda Akta DBP 1959 merupakan satu cadangan yang tepat pada masanya dan perlu dilakukan untuk mengembalikan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan juga bahasa kebangsaan bagi negara kita. Isu peminggiran penggunaan amalan bahasa Melayu dalam sektor swasta juga telah menimbulkan banyak perdebatan. Sehubungan dengan itu, cadangan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri merupakan pendekatan terbaik untuk memastikan masyarakat kembali bersatu berkaitan dengan soal bahasa dalam sistem pendidikan negara. Cadangan untuk meminda Akta DBP 1959 bukan sahaja dapat meningkatkan kewibawaan DBP sebagai penjaga amanah bahasa Melayu, malah juga akan memberikan ruang yang lebih besar untuk DBP menguatkuasakan peraturan dan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia khususnya untuk memastikan seluruh agensi kerajaan dan syarikat swasta meletakkan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan utama dalam semua urusan yang berkaitan dengan perniagaan dan ekonomi di negara ini.

Sudah tiba masanya untuk seluruh rakyat Malaysia berbilang bangsa memahami bahawa bahasa Melayu ialah

bahasa rasmi negara ini dan sebagai warganegara, seluruh rakyat sepatutnya berbangga dan memiliki semangat kepunyaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara. Bahasa Melayu merupakan identiti kepada kenegaraan Malaysia. Seharusnya bahasa Melayu diletakkan di tempat yang lebih tinggi dan dihormati oleh seluruh rakyat Malaysia. Melalui cadangan pindaan Akta DBP 1959 ini, kita mengharapkan selepas ini DBP akan lebih agresif untuk memastikan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa utama bukan sahaja di atas kertas, malah turut menjadi bahasa utama dalam kehidupan seharian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Kita mengharapkan semua agensi dan badan swasta akan mula menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam urusan rasmi mereka dan urusan tidak rasmi termasuklah dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Perkara ini tentunya akan menjadi cabaran yang besar kepada sesetengah masyarakat yang tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik pada ketika ini. Oleh sebab itu, sistem sokongan bagi program latihan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu juga mestilah dijadikan sebahagian daripada kursus-kursus peningkatan kualiti kakitangan di semua syarikat swasta dan badan-badan berkanun untuk memastikan mereka mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik dan dapat menggunakannya dalam urusan perniagaan dan pemasaran produk mereka.

Semoga cadangan pindaan Akta DBP 1959 untuk menjadikan bahasa Melayu benar-benar sebagai bahasa utama di negara ini dapat dilaksanakan dan akan menjadi usaha yang dapat menyatupadukan seluruh rakyat agar mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama. Penguasaan bahasa Melayu yang baik oleh seluruh rakyat bukan sahaja dapat meningkatkan komunikasi dan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum, malah dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan lengkap, identiti kenegaraan kita dapat diperkukuh pada peringkat kebangsaan dan global. □

Dr. Anuar Ahmad, Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Kepelembagaan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.